

# PELUANG KERJAJAYA



SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

**Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:**

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

**SPM & SIJIL  
PERHUTANAN  
PENGAWAS HUTAN  
KUMPULAN  
PELAKSANA**



**PENGAWAS HUTAN  
GRED G19**

**JABATAN  
PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
(SEMENANJUNG)**

**Kekosongan : 7**

**Simpanan : 20**

## 1. Syarat Lantikan

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (iii) memiliki:
  - (a) **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dan **Sijil Perhutanan Pengawas Hutan** daripada **sekolah latihan perhutanan Sarawak** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - (b) **SPM** dan **Sijil Perhutanan Pengawas Hutan** daripada **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia** atau **institut latihan perhutanan Sabah** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 2. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(iii); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (iii) had umur pelantikan:
  - (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## 3. Maklumat Syarat Lantikan

**Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :**

<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/spm-svm-skm-sijil/pengawas-hutan-gred-g19>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga dikemas kini pada atau sebelum tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang **diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses.** Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah sebelum atau pada **31 Julai 2022 (Ahad), jam 11.59 malam.**

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI**



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia\_gov



spa.malaysia



SPAJPM